

# Kajian berterusan pastikan program ditawarkan relevan

B/HARIAN 24/9/19 MS 6

**Kuala Lumpur:** Keputusan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) menggugurkan program akademik di sesebuah universiti awam (UA) dibuat berdasarkan kajian dari semasa ke semasa dan mengambil kira pelbagai faktor.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching, berkata setiap UA juga membuat kajian berterusan, sama ada program yang ditawarkan mereka masih lagi relevan dengan perkembangan semasa atau sebaliknya.

Ia, katanya bagi memastikan graduan dilahirkan mempunyai potensi memenuhi permintaan pasaran kerja di negara ini.

"Terpulang kepada universiti, sama ada menambah jurusan atau menggugurkan program akademik yang ditawarkan mereka," katanya kepada media selepas sambutan Hari Susu Sekolah Sedunia 2019 dan sumbangan makanan berkhasiat kepada murid, di sini, semalam.

Nie Ching berkata, kebajikan pensyarah dan kakitangan sokongan seperti pembantu makmal dan juruteknik juga perlu diambil kira, sama ada mereka perlu ditempatkan di universiti lain atau



**Nie Ching diiringi** Pengarah Urusan Dutch Lady Milk Industries Berhad, Tarang Gupta (kiri) bersama murid pada sambutan Hari Susu Sekolah Sedunia 2019 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Supian Ahmad/BH)

kekal di universiti asal selepas pengguguran sesuatu program akademik.

"Saya percaya kerajaan mempunyai mekanisme berkesan untuk menjaga kebajikan pensyarah dan kaki tangan sokongan terbabit," katanya.

Dalam perkembangan lain, Nie Ching berkata, kementeriannya

tidak bercadang memansuhkan Program Pemerksaan Tahap Tinggi (HIP) untuk memantapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

Katanya, kementerian menggagalkan pihak sekolah untuk menjayakan program bermanfaat itu dan setakat ini berjaya mendapatkan 28 pesara guru bahasa Ing-

geris untuk kembali berkhidmat di sekolah sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya, Sabah, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Labuan.

"Kementerian akan mendapatkan khidmat lebih ramai pesara guru bahasa Inggeris untuk kembali ke sekolah bagi membantu menjayakan HIP. Kita mulakan

projek perintis pada Jun lalu dan ia akan diteruskan," katanya.

HIP adalah program diperkenalkan untuk memantapkan kebolehan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dan sebahagian daripada Aktiviti Sokongan Bahasa Inggeris disenaraikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.